

# Banjir kilat di ibu kota dapat perhatian

Ahli Parlimen  
Seputeh minta  
penjelasan  
punca bah  
di Lembah Klang

**Kuala Lumpur:** Banjir kilat yang melanda ibu negara susulan hujan lebat petang kelmarin, mendapat perhatian ahli Parlimen yang menyertai sesi perbincangan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, semalam.

Teresa Kok (PH-Seputeh) berkata, kerajaan terutama Kementerian Wilayah Persekutuan perlu memberitahu apakah rancangan untuk menangani masalah banjir kilat di ibu negara.

Katanya, sebelum ini ketika Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, yang ketika itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyifatkan pengurusan banjir di negara ini adalah yang terbaik di dunia.

Namun, katanya apa yang berlaku di ibu negara kelmarin, sama sekali bercanggah dengan perkara itu.

"Jadi saya hendak tanya di mana kebenaran perkara itu. Bagaimana perasaan beliau dengan kejadian banjir semalam (kelmarin). Di manakah beliau ketika banjir

ini berlaku dan apakah rancangan berhubung perkara ini," katanya.

Beliau turut membangkitkan rancangan Kementerian Wilayah Persekutuan yang meluluskan pembinaan kediaman pencakar langit tinggi bagi mengatasi masalah kediaman warga ibu kota yang berkemungkinan menyebabkan berlaku banjir kilat di Kuala Lumpur.

"Saya bimbang dengan perkara ini dan meminta cadangan pembinaan rumah pencakar langit untuk atasi masalah kediaman ini ditanggguhkan.

"Jika mahu melaksanakan projek di kawasan berkepadatan tinggi ini, aspek alam sekitar perlu diambil kira dan pada masa sama peparitan tidak dibesarkan. Ia perlu di ambil kira, begitu juga kesesakan lalu lintas," katanya.

Teresa turut mendakwa terowong banjir Lebuhraya SMART tidak berfungsi dalam kejadian banjir kelmarin.

"Saya minta pihak yang bertanggungjawab memberitahu mengapa Terowong SMART tidak berfungsi yang mana air banjir di kawasan saya tidak mengalir ke terowong ini," katanya.

Beliau juga menggesa pembinaan kediaman mampu milik RU-MAWIP yang dijenamakan semu-

la sebagai Residensi Wilayah di kawasan sempadan dengan Selangor dikaji semula dan mendapat kelulusan negeri berkenaan.

"Saya diberitahu ada banyak projek ini tidak dimaklumkan kepada kerajaan Selangor, sedangkan ada banyak kelulusan perlu diperoleh daripada pihak berkuasa tempatan negeri berkenaan.

"Sebagai contoh pembinaan RU-MAWIP di Bukit Jalil yang bersempadan dengan kawasan Kinrara. Kerajaan perlu menjawab surat ditulis EXCO Selangor mengenai perkara ini kerana ia turut melibatkan Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam isu kesesakan lalu lintas," katanya.

Seorang penyokong pembangkang pula mencadangkan supaya satu suruhanjaya khas banjir ditubuhkan bagi menyiasat fenomena banjir yang melanda negara, sejak tahun lalu.

Charles Anthony Santiago (PH-Klang) berkata, dengan adanya suruhanjaya itu, isu berkaitan banjir dapat ditangani termasuk penyelesaian untuk jangka pendek dan panjang.

Katanya, isu banjir bukan lagi isu bermusim dan ia perlu ditangani dengan segera yang memerlukan sebuah suruhanjaya.



Teresa Kok



## Isu banjir jadi perhatian di Dewan Rakyat

**KUALA LUMPUR** - Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun menerima usul sekali gus bersetuju isu berkenaan banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di ibu negara pada Isnin dibahaskan di Dewan Rakyat.

Azhar berkata, beliau menerima notis pemberitahuan mengenai usul berkenaan daripada **Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang)** pada jam 10 malam Isnin, manakala **Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (PH-Lembah Pantai)** pada jam 10 pagi Selasa.

Namun, Azhar menjelaskan, usul tersebut tidak akan dibincang atau dibahaskan pada Selasa kerana memerlukan tempoh 24 jam untuk diteliti mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2).

"Saya terima usul Yang Berhormat (Kui Lun) pada jam 10 malam tadi, jadi saya ada 24 jam ikut peraturan (untuk dipertimbangkan) dan saya akan jawab hari ini (Selasa), usul Yang Berhormat Lembah Pantai dihantar jam 10 pagi. Saya ada (tempoh) sehingga esok (untuk pertimbangan).

"Tetapi secara preliminary, saya cadangkan perkara itu dibincangkan (bahas). Itu sahaja komen saya setakat ini. Tetapi saya tidak benarkan ia dibahas se-

karang kerana perlu tempoh 24 jam. Kalau saya benarkan, hanya satu sahaja kerana ia (usul) sama," jelasnya.

*Sinar Harian* pada Isnin melaporkan, beberapa kawasan di Lembah Klang termasuk jalan-jalan utama di pusat bandar Kuala Lumpur dilanda banjir kilat.

Sementara itu, **Teresa Kok (PH-Seputeh)** ketika sesi perbincangan Titah Diraja berkata, kerajaan terutama Kementerian Wilayah Persekutuan perlu memberitahu apakah rancangan yang telah dirangka bagi menangani masalah banjir kilat.

Menurut Teresa, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim ketika memegang portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyifatkan pengurusan banjir di negara ini adalah yang terbaik di dunia.

"Jadi saya hendak tanya di mana kebenaran perkara itu. Bagaimana perasaan beliau dengan kejadian banjir semalam, di manakah beliau ketika banjir berlaku dan apa rancangan menghubungkan perkara ini," katanya.

Teresa turut mendakwa Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banir (SMART) tidak berfungsi ketika kejadian banjir berlaku.



**AZHAR-AZIZAN**

SINAR HARIAN 9 MAC 2022 (RABU)

M/S : 22

# Mangsa tanah runtuh kosongkan kediaman

**Kuala Lumpur:** Dua keluarga yang rumah mereka mengalami tanah runtuh di Jalan 1/27D, Seksyen 6, Wangsa Maju, di sini sudah mengosongkan kediaman, manakala tiga lagi masih kekal di situ.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan perkembangan kes itu menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Menurut pihak berkuasa tempatan itu, khemah sementara turut didirikan di kawasan berkenaan bagi membolehkan agensi keselamatan membuat peman-tauan 24 jam.

Ia termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

"Sebanyak lima rumah

terkesan ekoran kejadian tanah runtuh yang berlaku di tanah persendirian itu dan membabitkan 28 mangsa daripada lima keluarga.

"Anggota penyelamat daripada pelbagai agensi dan Majlis Perwakilan Penduduk Setiawangsa bergegas memberikan bantuan awal sebaik maklumat," kata kenyataan itu.

Terdahulu, jurucakap Pu-

sat Gerakan Operasi IPBM Kuala Lumpur menerima dua laporan tanah runtuh di Taman Gembira dan Seksyen 6 Wangsa Maju, di sini petang kelmarin.

Tiada mangsa dilaporkan cedera dan tiada rumah rosak di Taman Gembira, namun tanah runtuh di Seksyen 6 Wangsa Maju memaksa penghuni dibawa keluar demi keselamatan.

HARIAN METRO 9/3/2022 (RABU) M/s: 2



## Protecting an aquatic wonder

Volunteers give Penang's rubbish-ridden Pulau Gazumbo – soon to be gazetted as a marine sanctuary – a makeover as part of a long-term goal to reduce waste and turn it into a resource. >3



### Scrubbing down

Sitti Harijah Bangsawan, 29, (standing) and her sister-in-law Nurul Natasya Mohd Azman, 16, from Kampung Baru Sri Puchong, Selangor cleaning floodwater-damaged sofa yesterday. The family of five said they were only able to save their television set when flash floods hit on Monday afternoon.

— S.S. KANESAN/The Star > More reports on page 2

## Flood clean-up in KL hampered by rubbish, illegal utility cables

By JAROD LIM and FARID WAHAB  
metro@thestar.com.my

ALAM Flora Sdn Bhd workers are finding it difficult to clean up flood-hit areas in Kuala Lumpur because of large amounts of rubbish and illegal utility cables.

Its Federal Territories manager Raja Kamal Azizol Raja Ibrahim said bricks and broken furniture in waterways were also obstructing the water flow.

"There are also pipe connections inside drains that have caused more rubbish to be trapped," he said, adding that clean-up operations started Monday night.

"Our focus is to remove the mud and sediment on roads and clear the drains.

"We have also activated a special squad to expedite the operations in the city," said Raja Kamal.

He said the squad comprised two drivers and four personnel, each equipped with a water jet and suction machine.

Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi

Che Ngah, in a media statement, said Kuala Lumpur City Hall (DBKL) had identified 29 areas that were affected by Monday's flash floods.

Water receded in 25 areas within 30 to 45 minutes, he said, while in four areas it took between one and three hours.

"The four areas are the Bulatan Pudu underpass, Jalan Tun Razak underground tunnel, Kampung Pasir in Lembah Pantai and Kampung Perik in Kampung Baru.

"Seven tow trucks were mobilised to the affected areas to remove stalled vehicles," said the mayor.

In a separate statement, DBKL said it was working with Alam Flora to respond to emergency calls from distressed residents.

"Our emergency squad and Alam Flora have removed a fallen tree near the Seri Alam people's housing project (PPR) in Sungai Besi.

"City folk can report similar incidents to the squad via WhatsApp at 011-653 99004,"

the statement read.

The downpour on Monday began at 2.30pm and lasted for more than two hours, causing flash floods at several main roads in the city, including Jalan Pudu, Jalan Kuchai Lama, Jalan Sri Permaisuri, Jalan Tun Razak, Jalan Pahang as well as the tunnel at Chan Sow Lin.

Environment and Water Minister Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man said in a statement that rainfall was recorded at 106.5mm and 155mm at the Stormwater Management and Road Tunnel (Smart) Taman Desa station and Air Panas station respectively, within two hours.

"The existing drainage could not cope with the high water flow capacity.

"To reduce the risk of flash floods, Federal Territories Drainage and Irrigation Department is in the midst of upgrading flood retention ponds in Kuala Lumpur, including the Batu Retention Pond," he said.

Meanwhile, two relief centres — at Dewan Sultan Sulaiman in Kampung Baru

and SJK(T) Saraswathi in Lembah Pantai — have been activated.

At press time, the former was housing 84 families consisting of 381 victims while the latter had 145 families with 560 victims.

Lembah Pantai MP Fahmi Fadzil expressed frustration over the frequent flooding in the city centre, with special reference to Kampung Pasir Baru.

"This is the second time in three months that this area has been inundated.

"Many are asking why the floodwaters rose so quickly?

"Many had only recently finished cleaning up their homes and repairing or buying new electrical appliances," he added.

On Twitter, Fahmi said Dewan Rakyat had agreed to consider a motion to debate the major flooding incidents in Klang Valley.

He said the government, particularly ministers of the Federal Territories, the Water and Environment and the Minister in the Prime Minister's Department (Special Tasks), should be taken to task.